



# UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

Jabatan Pendaftar  
Registrar's Office



CERTIFIED TO ISO 9001:2000 CERT. NO: AR 3088

Ruj.Kami : UMS/PN2.1/P5/2/1  
Tarikh : 05 April 2012

## SEMUA KETUA JABATAN/SEKOLAH/PUSAT/INSTITUT/UNIT/BAHAGIAN

### PEKELILING PENDAFTAR BIL.1/2012 : PENGISYTIHARAN HARI KELEPASAN AM TAMBAHAN 2012

Dengan segala hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

Bersama-sama ini disertakan **Pekeliling Pendaftar Bil.1/ 2012** yang jelas maksudnya mengenai perkara tersebut di atas untuk maklumat dan tindakan lanjut pihak Y.Brs. Prof./Tuan/Puan.

Mohon perkara ini dimaklumkan kepada semua kakitangan di J/S/P/I/U/B masing-masing.

Kerjasama dan perhatian pihak Y.Brs. Prof./Tuan/Puan amatlah dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

### "BERTEKAD CEMERLANG"

Yang ikhlas,

#### TALIB ABDULLAH SHANI

Timbalan Pendaftar  
Bahagian Pentadbiran dan Governan  
Jabatan Pendaftar  
b.p Pendaftar

- s.k
- ☞ Y.Bhg. Brig. Jen. Prof. Datuk Seri Panglima Naib Canselor
  - ☞ Y.Bhg. Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)
  - ☞ Y.Bhg. Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi)
  - ☞ Y.Bhg. Datuk Timbalan Naib Canselor (Hal-Ehwal Pelajar & Alumni)
  - ☞ Y.Bhg. Mej. (K) Datuk Pendaftar
  - ☞ Fail

### BERTEKAD CEMERLANG



**UMS**  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

## PEKELILING PENDAFTAR

Tarikh : 5 April 2012

Bil. 1/2012

Ruj : UMS/PN2.1/P5/2

### PENGISYTIHARAN HARI KELEPASAN AM TAMBAHAN 2012

#### 1.0 TUJUAN

Pekeliling ini dikeluarkan bagi memaklumkan pengisytiharan **hari kelepasan am tambahan bagi negeri Sabah pada 11 April 2012 (Rabu)** sempena Hari Istiadat Pertabalan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong XIV.

#### 2.0 PENGENALAN

- 2.1 Adalah dimaklumkan bahawa, Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri Sabah bersetuju mengisytiharkan 11 April 2012 (Rabu) sebagai hari kelepasan am tambahan bagi negeri Sabah sempena Hari Istiadat Pertabalan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong XIV selaras dengan seksyen 9 Ordinan Hari Kelepasan Sabah (Sabah Bab 56).
- 2.2 Pengisytiharan hari kelepasan am ini adalah dirujuk melalui Warta Kerajaan, Jil. LXVII No. 167 [No. JKM(S) 100-6/4 Kit. 7/(54) yang dikeluarkan oleh Setiausaha Kerajaan Negeri Sabah.

#### 3.0 TARIKH KUAT KUASA

- 3.1 Pekeliling Pendaftar ini berkuat kuasa pada 11 April 2012.

Sekian, Terima Kasih.

**"BERTEKAD CEMERLANG"**

Yang ikhlas,

**MEJ. (K) DATUK ABDULLAH HJ. MOHD. SAID**

Pendaftar

Tarikh : 5 April 2012

- s.k. ☞ Naib Canselor  
☞ Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)  
☞ Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi)  
☞ Timbalan Naib Canselor (Hal-Ehwal Pelajar & Alumni)  
☞ Fail



SABAH, MALAYSIA

# Warta Kerajaan

*Diterbitkan dengan kuasa*

---

Jil. LXVII]

KOTA KINABALU, KHAMIS, 22 MAC 2012

[No. 12

---

**Kenyataan-kenyataan berikut adalah diterbitkan atas perintah Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri untuk Makluman Umum.**

**DATUK SERI PANGLIMA HAJI SUKARTI BIN WAKIMAN,**  
*Setiausaha Kerajaan Negeri.*

---

No. 167

[No. JKM(S) 100-6/4 Klt. 7/(54)

HARI KELEPASAN AM TAMBAHAN 2012

Adalah disiarkan untuk makluman umum bahawa Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri bersetuju mengisytiharkan 11 April 2012 (Rabu) sebagai hari kelepasan am tambahan bagi negeri Sabah sempena Hari Istiadat Pertabalan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong XIV selaras dengan seksyen 9 Ordinan Hari Kelepasan Sabah (Sabah Bab 56).